



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI AHAD

28 Syawal 1443 / 29 Mei 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Sabtu, 27 Syawal 1443 bersamaan dengan 28 Mei 2022, sebanyak 208 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,501 dos iaitu 80.4% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 1,155 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 20,341 dos iaitu 47.4%.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin ialah sebanyak **70.4%**.
3. Hari ini, Ahad, 28 Syawal 1443 bersamaan dengan 29 Mei 2022, sebanyak **217 kes baru** telah dilaporkan iaitu 216 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 322 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **148,089** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala terdapat **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sebanyak **220 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **146,406 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,460 kes** iaitu 4 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,456 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Marilah kita semua memanjatkan doa dan bertawakal kepada Allah Subahanahu Wa Ta'aala semoga apa jua yang kita rancang dalam menuju ke norma baru diberkati dan diperkenankan oleh nya jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Syawal 1443 / 29 Mei 2022